

Perwakilan  
MIC terima  
terjemahan  
buku karya  
Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 28 Mei – Ibu Pejabat MIC menyumbangkan buku terbaru hasil karya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berjudul *A New Deal For Asia* yang diterjemahkan ke bahasa Tamil kepada perwakilan yang menyertai perhimpunan agung parti itu kali ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, parti itu membelanjakan kira-kira RM20,000 untuk tujuan tersebut.

“Ini merupakan kali kedua berturut-turut MIC menyumbangkan buku kepada perwakilan.

### Membaca

“Saya berharap anda semua akan membaca buku berkenaan untuk mengetahui perkembangan terbaru,” kata beliau ketika bercakap kepada para perwakilan ketika sesi perbincangan mengenai usul ucapan presiden di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Buku itu diterjemahkan oleh R. Appaturai dan diterbitkan oleh Penerbitan Jaya Bakti. Penerbit edisi bahasa Inggeris ialah Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Pada perhimpunan lalu, Ibu Pejabat MIC menyumbangkan buku berjudul *Mahathir Di Sebalik Tabir* tulisan Senator Datuk Zainuddin Maidin.

Pada perhimpunan kali ini, Samy Vellu yang sememangnya terkenal dengan gelaran ‘jurujual’ turut memperkenalkan tiga buku lain termasuk *Ecological Healing System Thesis and Hypothesis - II* dan *Info Digest 2000*.